



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2018](#) [Petikan Akhbar](#) [Sinar Harian - 'Tunjuk Bukti Saya Cakap SST Akan Turunkan Harga Barang'](#)

Sinar Harian - 'Tunjuk Bukti Saya Cakap SST Akan Turunkan Harga Barang'

Selasa, Okt 16 2018



'Tunjuk bukti saya cakap SST akan turunkan harga barang'

Sinar Harian
16/10/18

KUALA LUMPUR - Menteri Kewangan, Lim Guan Eng mempertahankan kenyataannya sebelum ini bahawa tiada jaminan harga barang akan turun selepas pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

"Saya ingin tegaskan sekali lagi seperti pernah disebut dalam sesi Parlimen sebelum ini bahawa kerajaan tidak pernah jamin harga barang tidak akan naik, yang kita jamin ialah jika ada kenaikan harga.....," katanya di sesi soal jawab lisan Dewan Rakyat, semalam.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat meneruskan kenyataannya kerana diganggu oleh ahli-ahli parlimen pembangkang yang tidak berpuas hati.

Susulan itu, Guan Eng mencabar mana-mana pihak menunjukkan bukti sekiranya beliau pernah mengelu-

Jika YB boleh tunjuk di mana saya sebut SST akan sebabkan kekurangan harga tolonglah beri petunjuk kepada saya."

- Guan Eng

arkan kenyataan harga barang akan turun.

"Saya dah sebut banyak kali, jika YB boleh tunjuk di mana saya sebut SST akan sebabkan kekurangan harga tolonglah beri petunjuk kepada saya. Jika tidak boleh tunjuk bukti jangan sebar fitnah tak berasas.

"PRK Port Dickson telah buktikan sebar fitnah jahat tak laku dan lapuk. Biar kita tunjuk fakta dan angka se-



benar," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-Bera) mengenai jenis cukai baharu akan diperkenalkan kerajaan, Guan Eng berkata, ia akan diumumkan dalam belanjawan negara, 2 November ini.

"Dua minggu saja lagi sebelum belanjawan dibentangkan. Harap Bera sabar sedikit sebagaimana yang ditunggu rakyat," katanya.



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

